

FIDA DISERU TUBUH UNIT PUSAT

1977

KUALA LUMPUR, 9 DIS. (BERNAMA BP) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGGESA DITUBUHKAN SEBUAH UNIT PUSAT DALAM FIDA BAGI MEMPERCEPATKAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PERINDUSTRIAN.

BELIAU MENGESYORKAN UNIT ITU DIKENDALIKAN OLEH PAKAR-PAKAR DARI JABATAN-JABATAN KERAJAAN YANG ADA KAITANNYA DENGAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN.

TAMBAHNYA, MEREKA BOLEH DIPINJAMKAN DARI JABATAN-JABATAN SEPERTI KASTAM DAN EKS AIS, JABATAN INTIGRESEN, PERBENDAHARAAN DAN KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DI MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA ULANGTAHUN KE 10 FIDA DI SINI. UCAPANNYA DIBACAKAN OLEH MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT, DATUK SERI LEE SAN CHOON.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, PARA PEGAWAI ITU AKAN DITEMPATKAN SECARA TETAP DI PEJABAT FIDA DI MANA MEREKA BOLEH DITEMUI UNTUK PERBINCANGAN DAN NASIHAT BUKAN SAHAJA DENGAN PARA PEGAWAI FIDA TETAPI JUGA DENGAN USAHAWAN.

BELIAU MENYATAKAN HASRATNYA MELIHAT FIDA MEMASUKI ZAMAN 10 TAHUN KEDUANYA DENGAN BADAN ITU MENJADI SATU-SATUNYA AGENSI BAGI PARA PELABUR.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN JUGA PENERUSI JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELABURAN, SEKALI LAGI MENGESAHKAN BAHAWA MALAYSIA BERAZAM MELAKSANAKAN RANCANGAN PERINDUSTRIANNYA YANG BOLEH MENJADIKAN SEKTOR PERKILANGAN MENJADI PENYUMBANG TERBESAR KEPADA KELUARAN KASAR DALAM NEGERI MENJELANG TAHUN 1990.

KATANYA, KERAJAAN MENJANGKA SEKTOR SWASTA MEMAINKAN PERANAN YANG DINAMIK UNTUK MEMPASTIKAN PERTUMBUHAN DAN PEMBANGUNAN SEKTOR PERKILANGAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYEBUT SALAHFAHAM DAN KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG MUNGKIN TIMBUL DARI PEMBANGUNAN SERUPA ITU DAN MENGGESA MASALAH-MASALAH SERUPA ITU DIBAWA KE PERHATIAN FIDA.

JIKA MASALAH-MASALAH TERSEBUT, KATANYA, SECARA AM MENJEJAS PERINDUSTRIAN ATAU MENINGGALKAN KESAN-KESAN YANG LEBIH BESAR, IANYA HENDAKLAH DIKEMUKAKAN KEPADA JAWATANKUASA KABINET. -

BELIAU JUGA MENGINGATKAN BAHAWA HANYA DENGAN MENGADAKAN DIALOG BENAR DAN SECARA BERTERUS TERANG ANTARA SEKTOR SWASTA DENGAN KERAJAAN MAKA BARULAH HASIL-HASIL YANG MEMUASKAN DAPAT DICAPAI.

MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATUK SERI HAMZAH ABU SAMAH BERKATA, FIDA TELAH MEREPUT PELUANG DARI TAHUN-TAHUN MELAMBUNG 1972 DAN 1974 UNTUK MENGGALAKKAN PENGALIRAN PELABURAN LUAR KE NEGRA INI.

KATANYA, KADAR MODAL PELABURAN TELAH BERKURANGAN BERBANDING DENGAN TEMPOH MELAMBUNG ITU TETAPI BAGAIMANAPUN, FIDA TELAH BERJAYA MENERUSKAN USAHA MENARIK PARA PELABUR KE DALAM SEKTOR PERKILANGAN.

DATUK SERI HAMZAH MENCADANGKAN, FIDA HENDAKLAH MENGGUNAKAN TEMPOH LEMBAB SEKARANG SEPENUHNYA DENGAN MENUMPUKAN PERHATIAN MEMPERBAIKI JENTERA PENTADBIRAN YANG ADA BAGI MEMPERCEPATKAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK YANG DILULUSKAN.

25
KATANYA, PELANCARAN SEBUAH UNIT PUSAT DALAM FIDA AKAN MEMUDAHKAN LAGI PARA PELABUR MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK MEREKA DAN INI AKAN MERUPAKAN GALAKAN TAMBAHAN KEPADA PELABUR-PELABUR ASING.

PENGERUSI FIDA, DATUK JAMIL JAN BERKATA, MENERUSI USAHA PENGGALAKKAN FIDA, MALAYSIA KINI TELAH DIKTIRAF DAN DINORMATI SEBAGAI KAWASAN YANG PALING DINAMIK BAGI PERINDUSTRIAN-PERINDUSTRIAN EKSPORT DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

FIDA JUGA DISANJUNG TINGGI BUKAN HANYA OLEH MASYARAKAT PERNIAGAAN DI MALAYSIA KERANA KECEKAPAN DAN DINAMISNYA TETAPI JUGA OLEH NEGARA DAN PARA PELABUR LUAR.

TAMBAHNYA, OLEH KERANA FIDA SENDIRI MENGHADAPI KEKURANGAN KAKITANGAN IA TERPAKSA MENOLAK PERMINTAAN OLEH BEBERAPA KERAJAAN NEGARA MEMBANGUN MENGHANTAR PARA PEGAWAI MEMBANTU RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DI NEGARA-NEGARA ITU.

SATU LAGI PENGHARGAAN TERHADAP KEJAYAAN FIDA IALAH DENGAN ADANYA BEBERAPA BUAH NEGARA MEMBANGUN MENGHANTAR KAKITANGAN MENJALANI LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN JANGKA PENDEK DENGAN FIDA.

- BERNAMA BP 2128/BW